

# Bekalan kuasa terputus selepas banjir

Penerangan tentang kegagalan bekalan kuasa selepas banjir

Malay | Bahasa Melayu | ملايو بهاس

## OFFICIAL

Bekalan kuasa yang terputus mungkin mengambil masa untuk pulih selepas banjir. Gunakan petua berikut tentang apa yang dapat dilakukan jika bekalan kuasa terputus.

### Petua untuk menjaga keselamatan bahan makanan

- Kegagalan bekalan kuasa dapat menjejaskan makanan anda. Jangan lupa:
  - ✓ pindahkan makanan dari peti sejuk ke penyejuk beku
  - ✓ makanan hendaklah disejukkan sesejuk mungkin dengan meletakkan bungkusan ais atau selimut penebat haba di atas bungkusan makanan
  - ✓ jika masih sejuk apabila disentuh (bawah 5 °C), ertinya makanan masih selamat dimakan
  - ✓ jika sudah tidak sejuk apabila disentuh, makanan itu dapat disimpan dan dimakan dalam masa sehingga empat jam dan kemudian mesti dibuang atau dimasak dan dimakan
  - ✓ makanan panas mesti dimakan dalam masa empat jam sejak dalam keadaan panas, atau dibuang
  - ✓ jika bekalan kuasa pulih ketika makanan sejuk beku masih pejal, ertinya makanan itu selamat untuk disejuk beku semula.

### Petua menggunakan generator (alat jana kuasa)

- Generator biasanya digunakan apabila bekalan kuasa terputus. Gunakan petua berikut sebelum menggunakan generator:
  - ✓ pastikan generator petrol atau diesel digunakan di luar bangunan dengan aliran udara yang baik, kerana keracunan karbon monoksida boleh berlaku dan menyebabkan anda jatuh sakit
  - ✓ generator mudah alih untuk kegunaan luar rumah tidak boleh digunakan di dalam rumah kerana dapat menyebabkan keracunan karbon monoksida, kejutan elektrik atau kebakaran
  - ✓ pasang generator kekal kerana generator ini paling sesuai untuk membekalkan kuasa sandaran
  - ✓ simpan generator di tempat yang kering. Petrol patut disimpan di luar di kawasan yang dilindungi
  - ✓ keringkan tangan sebelum menyentuh generator
  - ✓ pastikan wayar atau peralatan elektrik lain tidak rosak sebelum generator dihidupkan
  - ✓ matikan generator dan biarkan sejuk sebelum bahan api diisikan lagi. Tumpahan petrol pada bahagian enjin panas boleh menyebabkan kebakaran
  - ✓ sambungkan perkakas dengan generator menggunakan kabel sambungan tugas berat
  - ✓ jangan cuba membekalkan kuasa elektrik ke pendawaian rumah dengan memasang generator pada soket dinding.

### Dapatkan bantuan

- Untuk penerangan tentang penggunaan gas atau elektrik yang selamat, hubungi Energy Safe Victoria 9203 9700 atau layari: [www.esv.vic.gov.au](http://www.esv.vic.gov.au)
- Untuk melaporkan kebocoran gas, telefon 132 771.

Untuk menerima penerbitan ini dalam format mudah akses, sila e-mel [pph.communications@health.vic.gov.au](mailto:pph.communications@health.vic.gov.au)